

18/11/1999

Gerakan timbang calon sesuai cabar Karpal

KUALA LUMPUR, Rabu - Gerakan masih menimbang calon yang sesuai untuk mencabar Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh, di kawasan Parlimen Jelutong, Pulau Pinang pada pilihan raya umum ini.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata dalam pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam dan hari ini, Perdana Menteri meminta Gerakan meletakkan calon yang lebih kuat bagi mencabar Karpal Singh.

Menurutnya, pertemuan beliau dan Dr Mahathir juga belum memutuskan calon Gerakan untuk kerusi Dewan Undangan Negeri Lobak, Negeri Sembilan.

Selain dua kerusi itu, katanya, senarai calon Gerakan yang lain sudah mendapat persetujuan Dr Mahathir.

Sehubungan itu, Dr Lim berkata, Gerakan mungkin memilih seorang peguam untuk menentang Karpal Singh.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan Gerakan akan meletakkan calon wanita di Jelutong.

"Apa yang pasti, pencalonannya akan mengejutkan," katanya dalam sidang akhbar di ibu pejabat Gerakan di sini, hari ini.

Turut hadir Bendahari Parti Gerakan, Ng Chiang Chin dan anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC), Chua Peng Song yang juga ahli Dewan Undangan Negeri Bachang.

(END)